



بنك معاملات

Bank Muamalat

KEWAJIPAN MEMBAYAR

HUTANG

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

Kandungan

| PERKARA | MUKA SURAT |
|--|------------|
| Pendahuluan | 2 |
| • Falsafah Hutang Dalam Islam | 3 |
| • Takrif Hutang Dalam Islam | 4 |
| • Hukum Berkaitan Hutang Piutang | 5 |
| • Tanggungjawab Pemiutang Dari Perspektif Islam | 6 |
| • Tanggungjawab Penghutang Dari Perspektif Islam | 9 |
| • Ancaman Untuk Orang Yang Enggan Membayar Hutang | 11 |
| • Kesan Menangguhkan Hutang Bagi Yang Mampu | 14 |
| Perbezaan Konsep Hutang Dalam Perbankan Islam Dan Perbankan Konvensional | 16 |
| Fenomena Hutang Melalui Kad Kredit | 17 |
| Penutup | 18 |
| Rujukan | 19 |

Cawangan Muamalat dan Sosio Ekonomi
Bahagian Perancangan & Penyelidikan
Diterima pada10/7/2012.....

FALSAFAH HUTANG DALAM ISLAM

Hutang piutang dapat memberikan banyak manfaat kepada kedua belah pihak. Hutang piutang merupakan perbuatan saling tolong-menolong antara umat manusia yang sangat dianjurkan oleh Allah S.W.T selama tolong-menolong itu dalam perkara kebajikan. Hutang piutang dapat mengurangkan kesulitan orang lain yang sedang dirundung masalah serta dapat memperkuat tali persaudaraan kedua belah pihak.

Pada dasarnya isu hutang berkait rapat dengan sikap amanah dan kebijaksanaan kita menguruskan perbelanjaan. Sifat amanah dilihat sebagai satu kontrak yang membuktikan semangat tolong menolong, kasih sayang dan ketinggian iman seseorang membantu mereka yang berada dalam kesusahan.

فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ، وَلِيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ.

Maksudnya: *"Kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang, maka hendaklah orang yang dipercayai itu menyempurnakan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya."*

Oleh itu, Islam telah menetapkan bahawa setiap individu Muslim, wajib melaksanakan amanah, bersifat jujur dan bijak dalam menguruskan perbelanjaan keluarga agar kita berupaya menunaikan tanggungjawab seperti berzakat dan **membayar hutang**. Kebijaksanaan kita menunaikan tanggungjawab ini adalah sifat terpuji, mulia dan simbol orang yang beriman.



TAKRIF HUTANG DALAM ISLAM

Dari segi bahasa:

Dayn (hutang) ialah sebarang liabiliti (tanggungan) masa hadapan yang dipertanggungkan ke atas seseorang sama ada dalam bentuk wang atau sebagainya.

Dari segi istilah:

Ulama' membahagikan *dayn* (hutang) kepada dua (2) jenis:

- 1) Umum: Iaitu hak /tanggungjawab yang wajib ditunaikan oleh seseorang yang menanggung beban di masa hadapan.
- 2) Khusus: Menurut Jumhur/majoriti Ulama' iaitu sebarang kewajipan dalam bentuk kewangan ke atas seseorang yang terjadi kesan daripada pertukaran transaksi, kerosakan harta benda, kecederaan, ataupun untuk melunaskan hak-hak Allah seperti zakat.

Hutang menurut perundangan Islam mencakupi ruang lingkup yang luas iaitu bayaran kepada harga barangan, bayaran kepada *qardh* (hutang), bayaran *mahr* (mas kahwin) selepas isteri disetubuhi atau sebelumnya, yakni mahar yang belum dibayar selepas akad nikah, bayaran sewa, ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah (*arsy*), ganti rugi atas kerosakan yang dilakukan, jumlah wang yang mesti dibayar kerana tebus talak (*khulu'*) dan barangan pesanan yang belum sampai (*muslam fih*).

HUKUM BERKAITAN HUTANG PIUTANG

Memberi hutang hukumnya sunat dan sangat digalakkan kerana orang yang memberi hutang akan mendapat ganjaran yang istimewa di sisi Allah. Ia merupakan satu amalan yang mulia jika tujuannya untuk menolong meringankan bebanan orang yang dalam kesusahan dan kesempitan hidup, bukan dengan tujuan mengambil kesempatan atau faedah daripada orang-orang yang berhutang. Manakala hukum berhutang pula harus. Walau bagaimanapun dalam lain-lain perkara, hukum berhutang berubah mengikut keadaan. Jika seseorang itu benar-benar kesuntukan dan memerlukan wang untuk membiayai keluarganya, maka wajib ia berhutang. Manakala hukum berhutang bagi pemiutang adalah berubah mengikut keadaan dalam tiga bentuk iaitu :

Pertama : Haram. Jika pemiutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk tujuan yang diharamkan seperti minum arak, judi dan sebagainya.

Kedua : Makruh. Jika pemiutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk perkara yang tidak bermanfaat atau menunjuk-nunjuk, ataupun penghutang tahu dia tidak mampu membayar semula hutang tersebut.

Ketiga : Wajib. Jika pemiutang mengetahui orang yang berhutang amat memerlukan hutang tersebut untuk menampung hidupnya dan keluarganya dan tiada cara lain untuk dia memperolehinya kecuali dengan cara berhutang.



TANGGUNGJAWAB PEMIUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM

PERTAMA: Dianjurkan memberi hutang bagi orang yang mampu

Memberi hutang kepada orang yang berada dalam kesempitan wang termasuk dalam keumuman hadis Rasulullah S.A.W:

مَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ
اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

"Sesiapa yang memudahkan orang yang berada dalam kesukaran, Allah akan memudahkan ke atasnya urusan dunia dan akhirat."

(Riwayat Ibnu Majah)

KEDUA: Memberi tempoh bagi mereka yang berada dalam kesulitan. Allah S.W.T berfirman:

"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga dia lapang hidupnya"

(Al-Baqarah :280)

Rasulullah S.A.W bersabda:

"Barangsiapa memberi tempoh waktu bagi orang yang berada dalam kesulitan untuk melunaskan hutang atau membebaskan hutangnya, maka dia akan mendapat naungan Allah."

(Riwayat Muslim)

Dari salah seorang sahabat Rasulullah S.A.W, Abul Yasar, Rasulullah S.A.W bersabda:

"Barangsiapa yang ingin mendapatkan naungan Allah 'azza wa jalla, hendaklah dia memberi tempoh waktu bagi orang yang berada dalam kesulitan untuk melunaskan hutang atau dia membebaskan hutangnya tadi."

(Riwayat Ahmad)

KETIGA: Mengutip hutang dengan akhlak yang mulia

Rasulullah S.A.W mengingatkan:

مَنْ طَالَِبَ حَقًّا فَلْيَطْلُبْهُ فِي عَفَافٍ
وَأَفٍ أَوْ غَيْرِ وَأَفٍ

"Sesiapa yang menuntut satu haknya (seperti hutang) maka tuntutlah dengan cara yang baik tanpa mengira (orang yang berhutang itu) membayar balik atau tidak membayarnya"

(Riwayat Ibnu Majah)

Dari Ibnu 'Umar dan 'Aisyah radhiyallahu 'anhuma, Rasulullah S.A.W bersabda:

"Siapa sahaja yang ingin meminta haknya, hendaklah dia meminta dengan cara yang baik sama ada pada orang yang mahu menunaikan ataupun yang enggan menunaikannya."

(Riwayat Ibnu Majah)

Dari Abu Hurairah, Rasulullah S.A.W bersabda untuk orang yang memiliki hak pada orang lain:

"Ambillah hak kamu dengan cara yang baik pada orang yang mahu menunaikannya ataupun yang enggan menunaikannya."

(Riwayat Ibnu Majah)



KEEMPAT: Berlapang dada dalam mengutip hutang

Rasulullah S.A.W juga bersabda:

رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا اقْتَضَى

"Allah merahmati seseorang yang bersikap lapang dada apabila menjual, membeli dan mengutip hutang."

(Riwayat Al-Bukhari)

KELIMA: Menjadikan hutang sebagai sedekah

Allah S.W.T berfirman:

"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga dia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalaulah kamu mengetahui."

(Al-Baqarah :280)

TANGGUNGJAWAB PENGHUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM

PERTAMA: Hutang adalah amanah yang wajib dijelaskan

Allah S.W.T memerintahkan agar kita menunaikan amanah. Hutang merupakan amanah yang terpikul di atas bahu penghutang. Allah S.W.T berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا أَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعْمًا يَعِظُكُم بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

"Ertinya : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(An-Nisa : 58)

Dari Abu Hurairah r.a, ia berkata, telah bersabda Rasulullah S.A.W :

"Sekalipun aku memiliki emas sebesar gunung Uhud, aku tidak akan senang jika tersisa lebih dari tiga hari, kecuali yang aku sisihkan untuk pembayaran hutang."

(Riwayat Al-Bukhari)

KEDUA: Berhutang dengan niat yang baik

Rasulullah S.A.W juga bersabda:

Dari Abu Hurairah r.a ia berkata bahawa Nabi S.A.W telah bersabda: "Barangsiapa yang mengambil harta orang (berhutang) dengan tujuan untuk membayarnya (mengembalikannya), maka Allah S.W.T akan tunaikan untuknya. Dan barangsiapa mengambilnya untuk menghabiskannya, maka Allah S.W.T akan membinasakannya"

(Riwayat Al-Bukhari)

KETIGA: Membayar dengan yang lebih baik

Dari Abu Hurairah r.a, ia berkata.

"Ertinya : Nabi mempunyai hutang kepada seseorang, iaitu seekor unta dengan usia tertentu. Orang itu pun datang menagihnya. (Maka) beliaupun berkata, "Berikan kepadanya" kemudian mereka mencari yang seusia dengan untanya, akan tetapi mereka tidak menemukan kecuali yang lebih berumur dari untanya. Nabi (pun) berkata : "Berikan kepadanya", Dia pun menjawab, "Engkau telah menunaikannya dengan lebih. Semoga Allah S.W.T membalas dengan setimpal". Maka Nabi S.A.W bersabda, "Sebaik-baik kalian adalah orang yang paling baik dalam pengembalian."

(Riwayat Al-Bukhari)

Dari Jabir bin Abdullah r.a, ia berkata:

"Aku mendatangi Nabi S.A.W di masjid, sedangkan beliau mempunyai hutang kepadaku, lalu beliau membayarnya dan menambahkannya."

(Riwayat Al-Bukhari)

KEEMPAT: Allah S.W.T akan menghancurkan orang yang tidak mengembalikan hutang

Bagi orang-orang yang berhutang tetapi enggan membayarnya sedangkan mereka mampu untuk membayarnya adalah termasuk mereka yang memakan harta milik orang lain. Sesungguhnya mereka itu telah melakukan kebatilan dalam agama dan melakukan dosa yang nyata. Akibat daripada perbuatan mereka itu Allah S.W.T akan menjanjikan kehancuran ke atasnya. Ini jelas berdasarkan daripada hadith Rasulullah S.A.W:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ إِثْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ

"Barangsiapa yang mengambil harta manusia, dengan niat ingin menghancurkannya, maka Allah juga akan menghancurkan dirinya."

(Riwayat Al-Bukhari)

Di antara maksud hadis ini ialah barangsiapa yang mengambil harta manusia melalui jalan hutang, lalu dia berniat untuk tidak mengembalikan hutang tersebut, maka Allah pun akan menghancurkannya.

KELIMA: Dosa hutang tidak akan terampun walaupun mati syahid

يُغْفَرُ لِلشَّهِيدِ كُلِّ ذَنْبٍ إِلَّا الدَّيْنَ

Ertinya : *" Diampunkan semua dosa bagi orang mati yang terkorban syahid kecuali jika ia mempunyai hutang (kepada manusia)."*

(Riwayat Muslim)

Dari Muhammad bin 'Abdullah bin Jahsy r.a, ia berkata:

"Pada suatu hari kami duduk bersama Rasulullah S.A.W ketika sedang menguburkan jenazah. Baginda mengangkat kepala baginda ke langit kemudian menepuk dahinya dengan telapak tangan seraya berkata, 'Subhaanallah, betapa berat ancaman yang diturunkan.' Kami diam saja namun sesungguhnya terkejut. Keesokan harinya aku bertanya kepada baginda, 'Wahai Rasulullah, ancaman berat apakah yang turun?' Beliau menjawab:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ رَجُلًا قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ أُحْيِيَ
ثُمَّ قُتِلَ ثُمَّ أُحْيِيَ
ثُمَّ قُتِلَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ
مَا دَخَلَ الْجَنَّةَ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ دَيْنُهُ.

'Demi Allah jiwaku berada di tangan-Nya, seandainya seorang lelaki terbunuh fi sabilillah kemudian dihidupkan kembali kemudian terbunuh kemudian dihidupkan kembali kemudian terbunuh sementara ia punya hutang, maka ia tidak akan masuk Syurga hingga selesai hutangnya.'

(Riwayat An- Nasa'i, Ahmad, Al-Hakim)

KEENAM: Orang yang berhutang tergolong sebagai pendusta

Sesungguhnya orang-orang yang berhutang, dan mempunyai niat untuk tidak membayar hutang biasanya akan lebih cenderung untuk berdusta. Ini adalah disebabkan oleh pelbagai alasan yang tidak benar akan diberikan untuk mengelakkan diri daripada membayar hutang. Peringatan yang jelas telah diberikan oleh Rasulullah S.A.W:

13

كَانَ يَدْعُو فِي الصَّلَاةِ وَيَقُولُ «اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْتَمِ وَالْمُعْرَمِ». فَقَالَ لَهُ قَائِلٌ مَا أَكْثَرَ مَا تَسْتَعِيدُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مِنَ الْمُعْرَمِ قَالَ «إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا غَرِمَ حَدَّثَ فَكَذَبَ وَوَعَدَ فَأَخْلَفَ.»

"Nabi S.A.W biasa berdoa di akhir solat: (Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari berbuat dosa dan banyak hutang)."

Lalu ada yang berkata kepada baginda S.A.W, "Kenapa engkau sering meminta perlindungan dalam masalah hutang?" Lalu Rasulullah S.A.W bersabda, "Jika orang yang berhutang berkata, dia akan sering berdusta. Jika dia berjanji, dia akan mengingkari."

(Riwayat Al-Bukhari)

KESAN MENANGGUHKAN PEMBAYARAN HUTANG BAGI YANG MAMPU

Dalam dunia yang serba moden ini, ramai yang berlumba-lumba untuk hidup bergaya dan berada dalam kemewahan. Ada kalanya kita tidak mampu untuk memenuhi segala kehendak tersebut melainkan dengan jalan berhutang. Maka akan lahirlah ramai individu yang hidup dengan dikelilingi hutang walaupun pada usia yang masih muda.

Malang sekali, ramai di antara kita yang hanya tahu berhutang, tetapi tidak pula berusaha untuk melangsaikan hutang tersebut mengikut perjanjian yang dibuat. Ada juga yang sengaja berniat untuk menangguhkan pembayaran hutang walaupun dalam keadaannya yang mampu.

Sesungguhnya melambat-lambatkan pembayaran hutang dengan sengaja amatlah besar akibatnya dalam kehidupan manusia. Seheinggakan Rasulullah S.A.W mengingatkan umatnya bahawa semua orang berharta yang sengaja atau asyik menangguhkan pembayaran hutang termasuk dalam perbuatan zalim.

Sabda rasulullah S.A.W pula :

"Penangguhan (hutang) oleh orang yang berkuasa membayar, adalah satu kezaliman".

(Riwayat Ibnu Majah)

Mengapakah Rasulullah S.A.W mengatakan ini sebagai suatu kezaliman?

Sesungguhnya, ketika mana kita memulakan urusan hutang piutang, sebenarnya kita telah membuat aku janji iaitu untuk membayarnya pada masa yang telah ditetapkan dan dipersetujui. Sekiranya kita tidak membayar hutang tersebut pada waktu yang telah dijanjikan maka kita telah memungkirkan janji dan ia tergolong di dalam perbuatan orang yang zalim.

Allah S.W.T mengingatkan dengan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بَاتِّعَافِدِ

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian".

(Al-Maidah : 1)

Dalam konteks semasa, kita dapat melihat bagaimana ramainya peminjam-peminjam yang enggan membayar hutang pengajian, rumah, kereta, syarikat mereka, ada juga yang lebih rela digelar mufliis asalkan tidak perlu membayar jumlah hutangnya yang bertimbun. Ia kelihatan enak untuk tidak membayar hutang di dunia, tetapi ia pasti akan menjadi malapetaka di akhirat.

Sesungguhnya amat besar kesalahannya jika kita cuai menjelaskan hutang kita. Ia boleh mengakibatkan lenyapnya segala pahala amal kebaikan bahkan boleh mengheret kita ke neraka. Pernah Rasulullah S.A.W enggan menyembahyangkan jenazah apabila diketahui si mati masih berhutang.

Dari Jabir bin 'Abdillah r.a, ia berkata,

"Seorang lelaki mati dan kami pun memandikan jenazahnya, lalu kami mengafaninya dan memberi wangiwangian. Kemudian kami letakkan untuk disolatkan oleh Rasulullah S.A.W di tempat khusus jenazah Maqam Jibril. Kemudian azan solat pun berkumandang. Beliau pun datang bersama kami dengan melangkah perlahan kemudian berkata, 'Barangkali rakan kalian ini mempunyai hutang?' Mereka menjawab, 'Ya, dua dinar!' Maka Rasulullah pun berundur ke belakang, lalu berkata, 'Solatkanlah rakan kalian ini.' Lalu berkatalah salah seorang dari kami bernama Abu Qatadah, 'Wahai Rasulullah hutangnya yang dua dinar itu atas tanggunganmu!'

Maka Rasulullah S.A.W berkata kepadanya, 'Hutang itu menjadi tanggunganmu? Tertanggung dari hartamu? Dan si mati terlepas daripadanya?'

Abu Qatadah menjawab, 'Ya!' Maka Rasulullah S.A.W pun mensolatinya dan setiap kali Rasulullah S.A.W bertemu dengan Abu Qatadah beliau selalu bertanya, 'Apakah hutang dua dinar itu telah engkau jelaskan? Hingga pada akhirnya Abu Qatadah mengatakan, 'Aku telah menjelaskannya wahai Rasulullah.' Maka Rasulullah S.A.W berkata, 'Sekarang barulah segar kulitnya!'

(Riwayat Ahmad, Al-Hakim dan Al-Baihaqi)



PERBEZAAN KONSEP HUTANG DALAM PERBANKAN ISLAM DAN PERBANKAN KONVENSIONAL

Konsep hutang yang diamalkan di dalam perbankan Islam adalah menepati syariat Islam. Ini kerana, produk-produk perbankan Islam ini dihasilkan dengan menggunakan akad-akad yang dibenarkan oleh Syariah seperti aqad jual beli, sewaan dan lain-lain. Sebagai contoh, dalam akad jual beli ia akan melibatkan pertukaran di antara dua jenis yang berbeza, iaitu aset dengan mata wang. Jual beli adalah kontrak perniagaan pertukaran harta. Keuntungan yang diperolehi adalah hasil daripada barang yang dijual dan manfaatnya. Oleh yang demikian, hutang yang terhasil adalah hasil daripada transaksi aqad jual beli dan ianya dibenarkan di dalam Islam.

Berbeza dengan perbankan konvensional, konsep hutang yang diamalkan adalah tidak bertepatan dengan syariat Islam kerana terlibat dengan aktiviti riba. Secara asasnya, transaksi yang dilakukan dalam perbankan konvensional adalah berdasarkan konsep pinjaman. Pertukaran yang berlaku adalah antara jenis yang sama iaitu mata wang dan mata wang yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Syara'. Keuntungan yang diperolehi adalah hasil daripada tempoh penangguhan pembayaran pinjaman yang diberi. Oleh yang demikian, hutang yang terhasil adalah hasil daripada transaksi pinjaman yang diberikan.

Jadual perbezaan hutang dalam perbankan Islam dan perbankan Konvensional

| | PERBANKAN ISLAM | PERBANKAN KONVENSIONAL |
|---------------------------------------|--|---|
| Kontrak/ konsep | <p>Pembiayaan (Financing)</p> <p>Keterangan: Segala urusan atau transaksi adalah berasaskan kepada sebarang bentuk perniagaan (jual beli, sewaan, pelaburan dan lain-lain) yang diharuskan oleh Syara'.</p> | <p>Pinjaman (Loan)</p> <p>Keterangan: Sebahagian besar urusan transaksi deposit dan kemudahan adalah berasaskan kepada konsep pinjaman semata-mata yang tidak menepati syarat-syarat pinjaman sebenar dalam Islam.</p> |
| Hubungan Bank dengan Pelanggan | <p>Pembiaya dan Pelanggan</p> <p>Keterangan: Hubungan di antara pihak Bank (pembiaya) dan pelanggan terbentuk daripada transaksi jual beli, pelaburan, perkongsian untung rugi, dan lain-lain transaksi yang diharuskan Syara'.</p> | <p>Pemberi pinjam dan peminjam</p> <p>Keterangan: Hubungan di antara pihak bank (lender) dengan pelanggan (borrower) terbentuk daripada transaksi pinjaman.</p> |
| Lebih/ Pertambahan | <p>Keuntungan (Profit)</p> <p>Keterangan: Keuntungan (Profit) adalah terhasil daripada kontrak jual beli, perkongsian untung rugi (pelaburan), dan lain-lain sebagaimana yang diharuskan Syara'.</p> | <p>Kadar Faedah (Interest)</p> <p>Keterangan: Faedah/Bunga (Interest) terhasil daripada lebihan (pertambahan) daripada jumlah pinjaman yang diberikan.</p> |

FENOMENA HUTANG MELALUI KAD KREDIT

Dalam konteks semasa, terdapat satu bentuk jual beli secara berhutang yang berlaku secara meluas pada masa kini, iaitu jual beli melalui kad kredit. Jual beli cara ini menyebabkan ramai orang berhutang dalam jumlah yang tinggi dan tidak dapat membayarnya.

Bank Negara Malaysia menjelaskan bahawa, jumlah hutang kad kredit tidak dibayar sehingga Mac tahun 2000 adalah RM5.7 bilion berbanding Mac 1998, sebanyak RM4.4 bilion. Selepas sedekad berlalu, angka terkini mendedahkan sehingga April 2009, rakyat Malaysia mempunyai tunggakan hutang kad kredit berjumlah RM22.4 bilion. Ia satu peningkatan lebih daripada 400 peratus dalam tempoh satu dekad, dengan jumlah kad kredit yang beredar di pasaran hari ini berjumlah 11 juta.

Selain itu juga, berdasarkan statistik Jabatan Insolvensi Malaysia, golongan yang berusia 30 hingga 40-an, antara yang paling banyak berdepan dengan kes bankrap. Statistik Jabatan Insolvensi Malaysia mendapati, sebanyak 191 orang daripada kelompok usia 35 hingga 44 tahun mufliis, manakala 156 orang antara usia 45 hingga 54 tahun. Tidak ketinggalan 145 orang dalam kalangan usia 25 hingga 34 tahun turut mufliis pada tahun 2008.

Daripada angka-angka yang dinyatakan tadi, jelas menunjukkan bahawa penggunaan kad kredit memberikan lebih banyak peluang kepada orang ramai untuk berhutang. Akan tetapi, perlu diingatkan bahawa kad kredit sekiranya digunakan secara rakus tanpa disiplin akan membuatkan kita ditimpa kesusahan di kemudian hari. Amat malang lagi sekiranya kad kredit yang digunakan itu adalah kad kredit konvensional yang mana sistemnya adalah sistem riba yang dilaknati oleh Allah S.W.T, ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah S.W.T mengisytiharkan perang kepada sesiapa sahaja yang terlibat dengan riba.



PENUTUP

Sedarilah sesungguhnya amat besar kesalahannya jika kita cuai menjelaskan hutang kita. Ia boleh mengakibatkan lenyapnya segala pahala amal kebaikan bahkan boleh mengheret kita ke neraka. Alangkah nikmatnya hidup ini, sekiranya kita dapat menunaikan bayaran hutang seperti yang telah dijanjikan. Alangkah berkatnya rezeki yang dikurniakan Allah S.W.T kepada kita, sekiranya kita tidak mengabaikan bayaran hutang atau pinjaman daripada pihak tertentu, walaupun dibayar secara beransur-ansur. Islam tidak menghalang umatnya untuk berhutang akan tetapi perlulah diingatkan bahawa setiap hutang itu adalah amanah dan ia wajib ditunaikan tidak kira dalam apa keadaan sekalipun.

Semoga para pembaca mendapat manfaat daripada penghasilan terbitan ini dan dengan ilmu yang diperolehi dapat disebar. Sebagaimana pesanan Rasulullah S.A.W, sampaikanlah daripadaku walaupun hanya sepotong ayat.

Allah S.W.T a'lam dan wassalam.



RUJUKAN

1. Al-Quran
2. Sahih Al-Bukhari
3. Sahih Muslim
4. Sunan At-Tirmidzi
5. Sunan Ibnu Majah
6. Sunan An-Nasa'i
7. *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*, Wahbah Al-Zuhaili, Jilid iv, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 1996, Diterjemah oleh Md Akhir Haji Yaacob et al.
8. *Al-Fiqh Al-Manhaji*, Dr Mustafa Al-Khin, Dr Mustafa Al-Bugha dan Dr Ali Al-Syarbaji, Jilid 4, Darul Syakir Enterprise 2009.
9. Faidul Qodir, 'Abd Al-Ra'uf Muhammad Al-Munawi, Al-Maktabah At-Tijariyah Al-Kubra
10. www.zaharuddin.net
11. bminggu@bharian.com.my
12. www.jais.net.my





Bank Muamalat Malaysia Berhad yang memulakan perniagaan pada 1 Oktober 1999, merupakan institusi perbankan Islam sepenuhnya yang beroperasi di bawah akta perbankan Islam (1983). Beribupejabat di Kuala Lumpur, Bank Muamalat merupakan peneraju institusi kewangan Islam yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang berlandaskan shariah.

Dengan kekuatan tenaga kerja seramai lebih kurang 1,500 orang di rangkaian lebih dari 50 cawangan, pusat perkhidmatan dan sebuah Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan, Bank Muamalat bersedia memainkan peranan yang penting dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kepada semua sektor ekonomi Malaysia tanpa mengira latarbelakang agama dan bangsa.

PENDAHULUAN

Islam sebagai agama yang syumul dalam segala aspek kehidupan manusia telah menggariskan beberapa persoalan mengenai hukum hutang piutang, ganjaran memberi hutang serta kaedah membayar hutang.

Allah S.W.T telah menerangkan dengan jelas peraturan di dalam urusan hutang piutang khususnya ketika mana Allah memerintahkan supaya kita membuat perjanjian bertulis agar kita tidak lalai untuk menjelaskannya di kemudian hari. Firman Allah S.W.T:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu”.

(Al-Baqarah: 282)

Jika kita lihat dengan teliti, kita akan dapati bahawa aktiviti berhutang telah menjadi asas kehidupan masyarakat hari ini. Kita berhutang untuk memenuhi keperluan asas seperti membeli rumah, kenderaan dan lain-lain keperluan, sehinggalah untuk mendirikan rumahtangga dan menunaikan fardhu haji kita berhutang.

Mungkin fenomena ini tidak begitu pelik bagi mereka yang tidak berkemampuan, tetapi ianya juga telah dijadikan kebiasaan bagi golongan-golongan yang berkemampuan. Maka lahirlah ramai individu yang berkemampuan membayar secara tunai, tetapi masih lagi suka berhutang demi memenuhi keperluan diri dan keluarga yang rata-ratanya hanya untuk memuaskan nafsu tanpa memikirkan kesan buruk atas tindakan tersebut. Ini berpunca daripada kurangnya maklumat berkenaan tentang bahayanya hutang dalam keadaan berkemampuan.

Sesungguhnya apabila seseorang itu berhutang, bermakna dia telah mula meletakkan satu belunggu di lehernya, dia terikat dengan belunggu itu dan belunggu itu tidak akan terlepas melainkan hutang itu dibayar. Sekiranya hutang tersebut tidak sempat dijelaskan ketika di dunia ini maka ianya akan terus dibawa kehari pengadilan di akhirat kelak.

Rasulullah S.A.W mengingatkan bahawa orang yang berhutang wajib menjelaskan hutangnya ketika hidup, ini kerana apabila seseorang yang berhutang meninggal dunia dan masih menanggung hutang, rohnya akan tergantung di antara langit dan bumi sehingga dijelaskan hutang itu. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Jiwa orang mukmin itu tergantung dengan hutangnya (iaitu dia belum dihukum sama ada kebaikannya atau kejahatannya) sehinggalah dia menjelaskan hutangnya.

(Riwayat At-Tirmidzi)

ANCAMAN UNTUK ORANG YANG ENGGAN MEMBAYAR HUTANG

PERTAMA: Mati dalam keadaan berhutang, pahala kebbaikannya menjadi ganti

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دِينَارٌ أَوْ دِرْهَمٌ قَضِيَ مِنْ حَسَنَاتِهِ لَيْسَ ثَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ

"Barangsiapa yang mati dalam keadaan masih memiliki hutang satu dinar atau satu dirham, maka hutang tersebut akan dilunaskan dengan kebbaikannya (di hari kiamat nanti) kerana di sana (di akhirat) tidak ada lagi dinar dan dirham."

(Riwayat Ibnu Majah)

Itulah keadaan orang yang mati dalam keadaan masih membawa hutang dan belum juga dilunaskan, maka untuk membayarnya akan diambil dari pahala kebbaikannya. Itulah yang terjadi ketika hari kiamat kerana di sana tidak ada lagi dinar dan dirham untuk melunaskan hutang tersebut.

KEDUA: Urusan orang yang berhutang akan kekal tergantung

Kewajipan membayar hutang jelas terpikul di bahu orang yang berhutang. Kewajipan membayar hutang itu tidak akan terlepas sekalipun dengan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar pahalanya. Ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ

"Jiwa seorang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga dia melunaskannya."

(Riwayat At- Tirmidzi)

KETIGA: Orang yang berniat untuk tidak mahu melunaskan hutang akan dihukum sebagai pencuri

Dari Shuhaib Al Khoir, Rasulullah S.A.W bersabda:

أَيُّمَا رَجُلٍ يَدِينُ دَيْنًا وَهُوَ مُجْمَعٌ أَنْ لَا يُؤْفِيَهُ إِلَّا لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا

"Siapa saja yang berhutang lalu berniat untuk tidak mahu melunaskannya, maka dia akan bertemu Allah (pada hari kiamat) dalam status sebagai pencuri."

(Riwayat Ibnu Majah)

Al Munawi mengatakan, "Orang seperti ini akan dikumpulkan bersama golongan pencuri dan akan diberi balasan sebagaimana mereka."

(Faidul Qodir, 3/181)